

JALAN KELUAR KRISIS SOSIAL UMAT

Hayati & amalkan pesanan dalam khutbah wada'

Bersama
Dr Syed Sultan
Bee bt. Pakeer
Mohamed



P

Khutbah wada' ialah pesanan Rasulullah SAW yang kekal relevan sepanjang zaman. Semua krisis sosial yang melanda masyarakat masa kini sudah diberi jalan keluarnya oleh Baginda Muslim

ada akhir zaman ini, kita menyaksikan pelbagai bentuk krisis sosial dalam masyarakat. Krisis ini merebak seperti merebaknya penyakit barah dalam tubuh manusia. Antara jalan keluar dari krisis ini ialah menghayati dan mempraktikkan intipati khutbah wada' Rasulullah SAW yang disampaikan oleh Baginda pada haji pertama dan terakhir dalam hayat Baginda.

Lebih 1,400 tahun yang lalu, Rasulullah SAW berdiri di padang Arafah dan menyampaikan khutbah kepada umat Baginda yang amat dicintainya terutama kita yang beriman kepada Baginda tanpa pernah melihat dan berjumpa dengan Baginda SAW. Khutbah ini adalah amanat dan pesanan terakhir Rasulullah SAW. Seperti yang kita ketahui, sesuatu pesanan yang disampaikan pada saat perpisahan pastinya terdiri daripada perkara yang terpenting. Justeru, khutbah wada' Rasulullah SAW perlu dipelajari dan diamalkan oleh setiap individu Muslim.

Antara pesanan Rasulullah SAW dalam khutbah wada' ialah sabda Baginda yang bermaksud: "Sesungguhnya darah kamu, harta kamu dan maruah kamu adalah haram (suci) seperti mana sucinya hari ini, di bulan ini, di negeri ini." (Hadis Riwayat Muslim) Hadis ini jelas menunjukkan bahawa nyawa, harta dan maruah manusia adalah suci dan tidak boleh diceroohi oleh sesiapa pun tanpa ada sebab yang diharuskan oleh syarak. Di bawah naungan Islam, setiap insan berhak hidup dengan maruah, bebas daripada diskriminasi dan kezaliman yang merampas hak kemanusiaan.

Namun, antara krisis sosial yang sedang membarah dalam masyarakat kita ialah buli. Sehingga bulan Oktober 2024, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) merekodkan 6,208 kes buli di negara ini. Buli boleh berlaku dalam pelbagai bentuk termasuklah secara fizikal, lisan, sosial dan siber dan ianya sangat memberi kesan yang

negatif kepada mangsa. Justeru, semua lapisan masyarakat terutamanya pelajar sekolah yang dikenali pasti paling banyak terlibat dalam jenayah ini perlu disedarkan tentang bahayanya perbuatan ini. Dalam hadis lain, Rasulullah SAW mengancam perbuatan ini dalam sabda Baginda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah akan mengazab orang-orang yang mengazab manusia di dunia." (Hadis Riwayat Muslim)

Seterusnya, Rasulullah SAW dalam khutbah wada' berpesan agar hak wanita dipelihara. Baginda SAW bersabda yang bermaksud: "Dan terimalah pesanan aku kepada kalian agar berbuat baik kepada wanita." (Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Kaum wanita pada zaman ini perlulah menjunjung tinggi pesanan Rasulullah SAW ini kerana Baginda tidak pernah melupakan kaum wanita walaupun pada saat terakhir hayat Baginda. Ini retetan daripada layanan yang sangat buruk diberikan kepada wanita pada zaman jahiliyah. Baginda SAW tidak mahu wanita diperlakukan lagi sebegitu rupa setelah pemergian Baginda. Justeru, Baginda berpesan agar hak dan maruah wanita perlu sentiasa dipelihara oleh kaum lelaki. Namun, apa yang menyedihkan, masih ada segelintir wanita menjatuhkan maruah mereka sendiri. Mereka bukan sahaja mendedahkan aurat, malah berbangga dan menunjuk-nunjuk perbuatan itu tanpa rasa malu di media sosial. Gejala ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang sentiasa memartabatkan maruah wanita. Sesungguhnya Rasulullah SAW memberi amaran keras terhadap perbuatan ini dalam sabda Baginda yang bermaksud: "Dua golongan daripada ahli neraka yang belum pernah aku lihat: ... wanita yang berpakaian tetapi (hakikatnya) telanjang, menggoda dan digoda, kepala mereka seperti bonggol unta yang condong. Mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium bau syurga." (Hadis Riwayat Muslim)

"Sesungguhnya aku telah tinggalkan kepada kalian sesuatu, yang mana kalian tidak akan sesat selamanya jika kalian berpegang dengannya, iaitu kitab Allah (al-Quran)"

Hadis Riwayat Muslim



Oleh itu, kaum wanita perlulah menjaga maruah mereka sendiri dengan menutup aurat sepertimana yang diperintah oleh syarak. Mereka juga perlu menjaga tingkah laku mereka agar tidak merendahkan kedudukan sendiri dalam masyarakat.

Selanjutnya, Rasulullah SAW juga berpesan dalam khutbah wada' agar kita sentiasa berpegang teguh dengan al-Quran dan sunah Baginda sebagai panduan dalam menjalani kehidupan di dunia. Sabda Baginda yang bermaksud: "Sesungguhnya aku telah tinggalkan kepada kalian sesuatu, yang mana kalian tidak akan sesat selamanya jika kalian berpegang dengannya, iaitu kitab Allah (al-Quran)." (Hadis Riwayat Muslim)

Malah, dalam hadis lain, Baginda bersabda yang bermaksud: "Kitab Allah dan sunnah nabi-Nya." (Hadis Riwayat Malik)

Namun, seiring dengan pesatnya kemajuan teknologi digital pada masa kini, dunia seolah-olah tidak lagi mempunyai sempadan. Pelbagai maklumat boleh didapati hanya di hujung jari pada bila-bila masa serta di mana sahaja. Apa yang membimbangkan ialah bukan semua maklumat yang disebarkan adalah benar. Hal ini menjadi lebih serius sekiranya ia berkaitan dengan ilmu agama. Ia adalah fitnah terbesar pada zaman ini di mana ilmu agama diperolehi daripada sumber yang tidak

sahih. Akibatnya, timbulah salah faham dan kekeliruan berkaitan agama sama ada yang melibatkan akidah, syariah atau akhlak. Rasulullah SAW telah pun memberitahu kepada kita tentang perkara ini dalam sabda Baginda yang bermaksud: "Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh tipu daya, pendusta dipercayai, orang benar didustakan, pengkhianat diberi amanah, dan orang yang amanah dikhianati dan yang berbicara ketika itu ialah al-ruwaybiah." Para sahabat bertanya: "Siapakah al-ruwaybiah?"

Baginda menjawab: "Orang bodoh yang berbicara tentang urusan umum masyarakat." (Hadis riwayat Ibn Majah)

Berkaitan isu ini, Allah SWT telah memberi penyelesaiannya dalam firman-Nya yang bermaksud: "Maka bertanyalah kamu kepada ahli al-dzikr (ahli ilmu) jika kamu tidak mengetahui." (Surah al-Nahl, ayat 43)

Justeru, ilmu agama mestilah diambil daripada sumber sahih yang tidak bertentangan dengan al-Quran dan sunah. Untuk itu, amat penting untuk kita mempelajari agama daripada guru yang diyakini kesahihan akidah, keilmuan dan integritinya. Selain itu, kitab yang dipelajari mestilah merupakan rujukan yang muktabar dan diiktiraf oleh para ulama.

Dengan itu, jelas kepada kita khutbah wada' ialah pesanan Rasulullah SAW yang kekal relevan sepanjang zaman. Semua krisis sosial yang melanda masyarakat masa kini sudah diberi jalan keluarnya oleh Baginda. Persoalannya, di manakah letaknya pesanan Baginda ini dalam diri kita? Adakah ia sekadar hanya dibaca pada bulan kelahiran Baginda atau ketika musim haji atau benar-benar dijadikan panduan hidup?

Jawapannya terletak pada diri setiap individu Muslim. Jika khutbah Baginda ini dihayati dengan hati yang tulus dan diamalkan dalam realiti masyarakat sekarang, nescaya ia dapat mengubati krisis sosial yang melanda kita. Hasilnya, masyarakat akan lebih berakhlak mulia serta dapat hidup dengan lebih bahagia, aman dan tenteram.

Penulis Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia